

# Nikmat diperoleh bukan kerana nasib baik

## Segala kekuasaan, kekayaan yang dikecapi manusia di dunia bersifat sementara

**S**ETIAP insan ingin kehidupan terbaik. Nikmat kesihatan, masa lapang serta seluruh pancaindera yang berfungsi adalah anugerah tidak ternilai dan terbayar dengan wang ringgit. Tanya sesiapa yang sakit, apa yang mereka mahu selain sihat? Tanya kepada yang sibuk, apa yang mereka mahu selain waktu lapang? Tanya juga pada yang buta, apa yang mereka mahu selain melihat? Tentu setiap keinginan manusia bersebab, begitulah juga dengan pemberian Allah.

Jika Allah belum berkehendakkan kita mengecapi, pasti ada alasan tidak mampu kita fahami melainkan kita harus tetap bersyukur seadanya kerana perancangan-Nya adalah yang terbaik dan hikmahnya kita sedari selepas segalanya Dia suratkan. Waktu itulah kita mengerti Allah menyayangi hamba-Nya yang dipilih merasai dunia, diberi kenikmatan sebegitu rupa hingga kadangkala ada yang lalai dan tamak haloba, lupa mengucapkan syukur malah mencabar pula kekuasaan-Nya. Dalam surah An-Nahl: 114 Allah berfirman maksudnya: *"Dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata"*.

Syukur adalah tanda berterima kasih kepada Allah atas kurniaan nikmat kepada hamba-Nya. Sebab itu, tiada orang yang bersyukur kepada orang lain melainkan Allah saja. Antara sesama manusia, kita sekadar mengucapkan terima kasih sebagai tanda penghargaan kerana



SETIAP insan wajib bersyukur sebagai tanda pujian serta ingatan kepada Allah untuk mengelakkan diri daripada sikap riak dan takbur yang boleh merosakkan keimanan.

tiada manusia mampu memberi nikmat dan kebaikan kepada manusia lain kecuali sebagai penyampai saja.

Syukur juga adalah sebagai pujian dan ingatan. Ia direalisasikan dengan mengerjakan suruhan dan menjauhi larangan Allah. Melalui hati, kita bersyukur dengan mengakui dan meyakini sepenuhnya bahawa segala nikmat yang diperoleh dan dikecapi adalah daripada Allah semata-mata, bukan kerana

nasib baik atau secara kebetulan.

Sungguhpun begitu, jika ditakdirkan satu hari nanti tiada lagi orang yang bersyukur, pasti akan ada balasan terhadap seluruh umat manusia kerana dalam Al-Quran ada peringatan seperti yang pernah berlaku kepada umat terdahulu. Antaranya ialah kisah Qabilah Saba', seperti dirakamkan Allah dalam surah Saba': 19 bermaksud: *"Maka kemakmuran dan kemudahan itu menjadikan mereka som-*

*bong dan kufur lalu berkata: Wahai Tuhan kami, jauhkanlah jarak perjalanan kami di antara sebuah bandar dengan yang lain, dan mereka berlaku zalim kepada diri mereka sendiri, lalu Kami jadikan mereka buah mulut orang ramai, serta Kami pecah-belahkan mereka berkecai-kecai. Sesungguhnya kisah mereka yang tersebut mengandungi tanda-tanda yang besar pengajarannya bagi tiap-tiap seorang mukmin yang sentiasa bersikap sabar*

*lagi sentiasa bersyukur"*.

Bencana diturunkan Allah adalah peringatan terhadap perbuatan sombong dan sikap manusia yang tidak taat kepada perintah-Nya serta lupa akan kebesaran-Nya yang berkuasa atas semua penghuni langit dan bumi. Ia juga adalah sebagai iktibar terhadap orang yang berfikir, bahawa segala kekuasaan dan kekayaan yang dikecapi di dunia ini adalah sementara sifatnya dan bila-bila masa boleh diambil kembali pemiliknya jika nikmat yang diperoleh tidak dipergunakan sebaik-baiknya.

Allah berfirman yang bermaksud: *"Dan ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras"*. (Surah Ibrahim: 7)

Kita dapat lihat realiti kehidupan umat Islam yang diberi segala kemewahan dan sumber kekayaan oleh Allah untuk dikecapi dengan sebaik-baiknya. Maksiat, pembohongan, menolak hukum agama, kezaliman dan fitnah yang dilempar terhadap umat Islam untuk menghancurkan umatnya adalah antara petaka yang berlaku terhadap umat Muhammad di akhir zaman ini.

Penulis Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom.